

16 OCT 2000

Mahathir-Perlembagaan

PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO 18 NOV

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perhimpunan agung khas Umno bagi meminda perlembagaan parti akan diadakan di sini 18 Nov ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya satu mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) akan diadakan sebelum tarikh berkenaan bagi memperhalusi semua cadangan pindaan yang bakal dibuat.

"Kita perlu memberi notis selama dua minggu mengikut kehendak perlembagaan. Jadi sebelum sampai tempoh 14 hari itu, kita akan mengadakan mesyuarat MT untuk finalise pindaan perlembagaan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama lebih empat jam di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurutnya mesyuarat hari ini membincangkan keseluruhan cadangan pindaan perlembagaan itu.

"Kita telah bincangkan keseluruhannya (cadangan pindaan) tetapi hari ini kita cuma membincangkan sahaja, beri pendapat tetapi tidak memutuskan tentang apa dia perubahan yang perlu dibuat," katanya.

Dr Mahathir berkata antara cadangan itu ialah supaya pemilihan MT dibuat di peringkat bahagian dan bukannya di Perhimpunan Agung Umno.

"Jadi ini juga sedang kita kaji apakah mungkin kita adakan pemilihan ini di peringkat bahagian, apa masalahnya, apa yang akan menjadi halangan, apakah dia berkesan dalam membanteras politik wang," katanya.

Satu lagi perkara yang dibincangkan ialah berapa kerap pemilihan MT patut diadakan dan ada cadangan supaya hanya satu pemilihan sahaja dibuat bagi satu penggal Dewan Rakyat, katanya.

Turut dicadangkan ialah supaya pemilihan itu diadakan kira-kira setahun selepas pilihan raya umum.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata antara cadangan yang diterima ialah supaya pemilihan parti di semua peringkat diadakan serentak setiap kali selepas pilihan raya diadakan.

Perdana Menteri berkata ada juga cadangan supaya sistem kuota pencalonan dimansuhkan.

Muhyiddin dilaporkan sebagai berkata semalam bahawa sistem pencalonan mungkin digantikan dengan sistem pendaftaran bagi sesiapa yang berminat untuk bertanding sesuatu jawatan.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata pemilihan bahagian akan berlangsung seperti dijadualkan tahun depan.

"Tahun depan ada, lepas itu baru kita kuatkuasakan yang ini (pindaan perlembagaan)," katanya.

Menurutnya MT juga bersetuju supaya debat antara Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar diadakan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tarikh dan pengerusi debat itu belum diputuskan lagi.

Ketika ditanya mengenai lawatannya Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid bermula esok, Dr Mahathir berkata tidak ada perkara khusus yang diberi penekanan.

"Tetapi secara umumnya, kami akan berbincang mengenai hubungan dua hala, Asean dan mungkin tentang Mesyuarat Asia-Eropah (Asem)," katanya.

Ditanya tentang isu kepimpinan Pertubuhan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) yang menjadi rebutan antara Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat eloklah kalau pertubuhan belia dipimpin oleh belia. Ini orang dewasa yang pimpin, nampak tak berapa eloklah."

"Orang muda mestilah dipimpin oleh orang muda. Itu pendapat saya. Saya

bukannya nak mengarah mereka."

-- BERNAMA

MAM RZS AFY MAI